S & S Power Switchgear Ltd lwn Toprank Corp Sdn Bhd

HIGH COURT (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO D4–22–1865 TAHUN 2000
WAN ADNAN MUHAMAD H
10 OKTOBER 2004

Acara Sivil — Jaminan untuk kos — Pihak yang berwarganegara asing — Defendan entiti asing — Budi bicara mahkamah — Sama ada semestinya jaminan kos diberi jika plaintif entiti asing — Keadaan keseluruhan kes dan pertimbangan menegakkan keadilan — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 23 k 1(a)

Plaintif, sebuah syarikat yang ditubuhkan di negara India, telah membuat tuntutan atas barangan yang dihantar serah kepada defendan. Defendan mengakui tidak membuat bayaran atas alasan plaintif telah membekalkan barangan yang cacat. Defendan telah memohon untuk suatu jaminan kos terhadap plaintif. Permohonan defendan telah ditolak oleh timbalan pendaftar. Defendan telah membuat rayuan atas alasan oleh kerana plaintif merupakan satu entiti asing, maka ia dikecualikan dari Jadual Pertama Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958, dan berkemungkinan tidak mampu membayar kos defendan jika defendan berjaya dalam pembelaan dan tuntutan balas serta mempunyai pembelaan yang bermerit dan tuntutan balas yang sah.

Diputuskan, menolak rayuan defendan:

(1) Mahkamah mempunyai budi bicara sama ada untuk membuat perintah mengenai kos jaminan. Budi bicara ini hendaklah digunakan dengan mengambil kira hal keadaan keseluruhan dan dengan menegakkan keadilan yang saksama. Jadi, bukan suatu kepastian bahawa bila mana membabitkan tuntutan oleh plaintif asing yang menetap di luar bidang kuasa, maka mahkamah hendaklah menentukan suatu jumlah untuk kos jaminan (lihat perenggan 9).

(2) Dalam kes semasa, plaintif berjaya membuktikan status dan keupayaan mereka untuk membayar. Plaintif mempunyai peluang baik untuk berjaya selepas perbicaraan. Maka, imbangan keadilan hendaklah diberi kepada plaintif meneruskan tindakan mereka ke atas defendan (lihat perenggan 13 dan 14).

(3) Lagipun tindakan plaintif terhadap defendan bukannya tidak bermerit. Memastikan keadilan adalah tanggungjawab terpenting yang dipikul oleh mahkamah, oleh itu kos tindakan adalah tanggungjawab sampingan yang tidak boleh mengatasi pertimbangan untuk menegak keadilan (lihat perenggan 16).

[**English summary**

The plaintiff, a company incorporated in India, made a claim for the goods delivered to the defendant. The defendant admitted not paying for the goods on the ground that the goods supplied by the plaintiff were defective. The defendant applied for a security for costs against the plaintiff. The defendant's application was dismissed by the assistant registrar. The defendant appealed on the ground that as the plaintiff is a foreign entity which is exempted from the First Schedule of the Reciprocal Enforcement of Judgments Act 1958, the plaintiff may not be able to pay the defendant's costs if the defendant succeeds in its defence and counter-claim, and that the defendant's defence has merit and its counter-claim is valid.

Held, dismissing defendant's appeal:

(1) The court has the discretion as to whether to grant an order for security for costs. The discretion must be exercised by taking into account the circumstances of the case and equitable justice. Therefore, it is not a certainty that whenever a claim involves a foreign plaintiff who resides outside the jurisdiction, the court must impose a sum for security for costs (see para 9).

(2) In the instant case, the plaintiff has satisfactorily their status and ability to pay. The plaintiff has a reasonable chance to succeed in its claim upon trial. Therefore, the balance of justice should be given to the plaintiff to proceed with its claim against the defendant (see paras 13 and 14).

(3) Moreover the plaintiff's action against the defendant was not without merit. To ensure justice is the most important responsibility of the court, the cost of action is only an ancillary responsibility which cannot override the consideration for justice (see para 16).]

Nota

Untuk kes-kes mengenai jaminan untuk kos, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 5222–5223.

Untuk jaminan untuk kos, lihat 1 *Halsbury's Laws of Malaysia (2002 Reissue)* perenggan [10.3-243]–[10.3-244].

Kes-kes yang dirujuk

Crozat v Brogden (1894) 2 QB 30 (dirujuk)
Gateway Land Pte Ltd v Turner (East Asia) Pte Ltd [1988] 1 MLJ 416 (dirujuk)
Kasturi Palm Products v Palmex Industries Sdn Bhd [1986] 2 MLJ 310 (dirujuk)
Porzelack KG v Porzelack (UK) Ltd [1987] 1 All ER 1074 (dirujuk)
Quality Tractors (M) Sdn Bhd v United Asian Bank Bhd [1980] 1 MLJ 95 (dirujuk)
Salchi SPA v Ler Cheng Chye (No 2) [2000] 1 MLJ 556 (dirujuk)

A **Undang-undang yang dirujuk**

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 23 k 1(a)

S Nantha Balan (Vijay Raj bersamanya) (Zul Rafique & Partners) bagi pihak plaintif.
Eugene Jayaraj (Zaid Ibrahim & Co) bagi pihak defendan.

B

Wan Adnan Muhamad H:

[1] Melalui suatu notis rayuan kepada hakim dalam kamar di lampiran 24, defendan iaitu Toprank Corp Sdn Bhd tidak berpuas hati terhadap keputusan
C yang dibuat oleh timbalan pendaftar pada 23 Mac 2002 menolak permohonan mereka bagi suatu jaminan kos (security for cost) sejumlah RM100,000 atau jumlah yang dianggap sesuai oleh mahkamah terhadap plaintif iaitu S & S Power Switchgear Ltd, sebuah syarikat yang ditubuhkan di negara India.

D **[2]** Pada 18 Februari 2003, saya menolak permohonan defendan (lampiran 24).

[3] Secara ringkas saya mengutarakan latar belakang tindakan sivil oleh plaintif terhadap defendan. Adalah tidak dipertikaikan bahawa plaintif ialah sebuah syarikat asing. Plaintif membuat tuntutan atas barangan yang dihantar serah kepada defendan atas permintaan defendan atau sebagai alternatif atas
E akaun ternyata (account stated) yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

[4] Dalam pembelaan, defendan tidak menafikan yang plaintif telah membekalkan 'Switchgear 11KV' dan 'Switchgear 22KV' kepada defendan untuk dibekalkan kepada TNB Bhd.

F **[5]** Defendan mendakwa bahawa perjanjian jual beli di antara plaintif dan defendan tertakluk kepada perjanjian defendan dan TNB.

[6] Defendan mengakui tidak membuat bayaran kepada plaintif walaupun bayaran dibuat oleh TNB kepada defendan atas barangan yang dibekalkan oleh plaintif. Alasan defendan tidak membayar plaintif ialah defendan mendakwa
G barangan yang dibekalkan plaintif cacat dan defendan terpaksa menanggung kos pembaikan yang besar atas barangan tersebut.

[7] Antara alasan yang dikemukakan oleh defendan menentang permohonan di lampiran 24 ialah seperti berikut:

H

1 Plaintif adalah entiti asing yang menetap di India yang mana di luar bidang kuasa;

2 Plaintif terletak di Chennai (dahulu dikenali sebagai Madras) yang dikecualikan dari Jadual Pertama Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling;

I

3 Kemungkinan plaintif tidak mampu membayar kos defendan sekiranya defendan berjaya dalam pembelaan dan tuntutan balas, memandangkan terdapat tindakan lain yang diambil oleh plaintif;

4 Defendan mempunyai pembelaan yang bermerit dan tuntutan balas yang sah bernilai melebihi RM4 juta dan berkemungkinan berjaya dalam kes ini adalah tinggi.

[8] Mengikut peruntukan A 23 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'), mahkamah mempunyai budi bicara meluluskan permohonan bagi suatu kos jaminan jika wujud empat keadaan. Dalam kes bicara permohonan defendan adalah berlandaskan plaintif ialah entiti asing yang menetap di luar bidang kuasa mahkamah (lihat A 23 k 1(a) KMT).

[9] Adalah jelas bahawa mahkamah mempunyai budi bicara sama ada untuk membuat perintah mengenai kos jaminan, sama ada melayan atau menolak permohonan pemohon. Pada pendapat saya budi bicara hendaklah digunakan dengan mengambil kira hal keadaan keseluruhan. Jadi, bukan suatu kepastian bahawa bila mana membabitkan tuntutan oleh plaintif asing yang menetap di luar bidang kuasa, maka mahkamah hendaklah menentukan suatu jumlah untuk kos jaminan. Dalam kes *Kasturi Palm Products v Palmex Industries Sdn Bhd* [1986] 2 MLJ 310, mahkamah memberi kos jaminan bukan atas asas plaintif adalah syarikat asing (sila lihat kes *Salchi SPA v Ler Cheng Chye (No 2)* [2000] 1 MLJ 556).

[10] Adalah suatu prinsip nyata bahawa permohonan kos jaminan harus ditolak jika sekiranya ia adalah 'oppressive' (sila lihat kes *Gateway Land Pte Ltd v Turner (East Asia) Pte Ltd* [1988] 1 MLJ 416; *Quality Tractors (M) Sdn Bhd v United Asian Bank Bhd* [1980] 1 MLJ 95).

[11] Mahkamah hendaklah juga mengambil kira berkemungkinan plaintif berjaya dalam tuntutannya (sila lihat kes *Porzelack KG v Porzelack (UK) Ltd* [1987] 1 All ER 1074).

[12] Adalah wajar mahkamah memberi pertimbangan kepada kemungkinan besar defendan gagal dalam pembelaannya (sila lihat kes *Crozat v Brogden* (1894) 2 QB 30).

[13] Setelah meneliti afidavit dan hujah bertulis kedua-dua pihak, saya memutuskan untuk menolak pemohon defendan di lampiran 24 kerana permohonan defendan dibuat berdasarkan kebimbangan defendan terhadap keupayaan plaintif. Tetapi saya berpuas hati dengan penjelasan plaintif berkenaan status dan keupayaan mereka melalui afidavit mereka (lampiran 20 dan lampiran 15). Walaupun adalah tidak dinafikan plaintif adalah syarikat asing tetapi plaintif mempunyai aset dalam syarat usaha sama (JV) di antara plaintif dan defendan.

[14] Daripada tuntutan plaintif dan pembelaan defendan, saya berpuas hati yang plaintif mempunyai peluang baik untuk berjaya selepas perbicaraan. Defendan tidak menafikan terhutang kepada plaintif, tetapi hanya mendakwa barangan yang dibekalkan plaintif kepada TNB adalah defektif sedangkan TNB telah membayar kepada defendan atas barangan tersebut.

A **[15]** Budi bicara yang diberi kepada mahkamah ialah untuk menegakkan keadilan yang saksama. Dalam hal keadaan keseluruhan berdasarkan latar belakang kes ini, pada hemat saya imbangan keadilan hendaklah diberi kepada plaintif meneruskan tindakan mereka ke atas defendan.

B **[16]** Lagipun tindakan plaintif terhadap defendan bukan tidak bermerit. Berdasarkan latar belakang kes ini, mahkamah seharusnya berwaspada supaya tidak menjadi batu loncatan membolehkan sesiapapun mengambil kesempatan meneguk di air keroh. Memastikan keadilan adalah tanggungjawab terpenting yang dipikul oleh mahkamah. Kos tindakan adalah tanggungjawab sampingan yang tidak boleh mengatasi pertimbangan untuk menegak keadilan.

C *Rayuan ditolak.*

Reported by Loo Lai Mee

D

E

F

G

H

I